

DR. M: SAYA NYATAKAN PENDIRIAN CARA TERBUKA DEMI KEUTUHAN UMNO

UMI 20 AUG 1983

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Datuk Sr. Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau menyebut secara terbuka mengenainya dan Datuk Musa dapat mewujudkan satu pasukan yang berkesan adalah demi perpaduan dan keutuhan UMNO.

Katanya: "Saya tidak bermaksud menyebelahi mana-mana pihak dan saya ingin menyatakan pendirian saya ini secara terus - terang bahawa saya mahu satu barisan yang dapat bekerja sebagai satu pasukan dengan saya.

"Saya rasa saya dapat bekerja dengan pasukan yang ada sekarang."

Bercakap kepada para pemberita selepas membentangkan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO Ke-34 di sini hari ini, Presiden UMNO itu berkata:

"Ia tidak bermaksud saya menyebelahi mana - mana pihak dan tidak timbul soal saya tidak suka seseorang itu."

Beliau menegaskan apa yang dikatakannya juga tidak bermaksud beliau tidak membenarkan sebarang pertandingan bagi jawatan - jawatan dalam UMNO kerana dalam proses demokrasi, setiap ahli mempunyai hak untuk membuat penentuan.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun enggan mengulas apabila ditanya adakah kenyataannya itu boleh ditakrifkan sebagai satu sokongan bagi Datuk Musa terhadap kemungkinan jika ada pihak yang mahu bertanding dengan Timbalan Presiden itu tahun depan.

Beliau sebaliknya menyuarakan kebimbangan terhadap kempen - kempen oleh kalangan apa yang dikatakan leftenan - leftenan atau orang - orang kanan kepada bakal - bakal calon yang boleh menimbulkan kesan negatif terhadap parti.

"Sama ada suka atau tidak saya telah menyatakan pendirian saya dan ia tidak sekali-kali bermaksud saya mahu menyakitkan hati mereka," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau berpendapat UMNO mesti sentiasa stabil dan mengekalkan tradisi -

tradisi yang telah diamalkannya kebelakangan ini.

"Status quo yang ada sekarang mesti dikekalkan dan adalah tidak wajar kita membuat sebarang perubahan sewenang - wengangnya. Contohnya dalam permainan bolasepak seorang penjaga gol itu patut sekali terus menjaga gol.

"Masalah akan timbul jika pemain pertahanan (fullback) mahu menjadi seorang penjaga gol."

Menurutnya, begitulah juga keadaannya dalam parti. "Kita tidak harus membuat perubahan tanpa bersebab. Lainlah jika seorang itu sudah tidak popular. Saya sendiri sebagai presiden parti boleh disingkirkan jika saya tidak menjalankan tugas dengan baik.

"Soalnya jika kita mahu membuat sesuatu perubahan cuma untuk tujuan mengubah sahaja tanpa sebarang sebab, saya rasa itu adalah tidak betul sekalipun kita ada hak.

"Hakikat ini harus dikekalkan bukan sahaja dalam pemilihan tahun 1984, sahaja tetapi juga di tahun 1987 dan tahun - tahun seterusnya.

Menjawab soalan adakah beliau merasai kenyataannya secara terbuka itu akan menimbulkan kesan ke arah mengurangkan kegiatan kempen oleh leftenan - leftenan bakal calon, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak dapat membuat jangkaan sama ada ia berkesan atau tidak.

"Apa yang penting saya sudah menyatakan pendirian saya secara terus terang bahawa saya mahu satu pasukan yang mana saya dapat bekerja dengan mereka," dan saya dapat bekerja dengan pasukan yang ada sekarang.

Ditanya adakah kegiatan kempen leftenan - leftenan berkenaan menimbulkan kesan ke atas perpaduan barisan pasukannya itu, Presiden UMNO itu berkata setakat ia tidak menimbulkan sebarang kesan.

"Tetapi jika ia kegiatan itu berterusan lambat laun ia boleh menimbulkan kesan yang negatif," katanya.

Menjawab soalan siapakah leftenan - leftenan dalam kerajaan yang dimaksudkannya dalam ucapan dasarnya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan mereka ini

adalah yang dilantik memegang setengah - setengah jawatan politik dalam kerajaan di atas budibicara Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lebih bila diminta memberitahu secara spesifik jawatan - jawatan dalam kerajaan yang dipegang oleh leftenan - leftenan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan sebab mengapa beliau mengulangi kenyataan berhubung dengan kempen oleh leftenan - leftenan sekalipun sudah beberapa kali menyatakan sikapnya ke atas soal ini.

Katanya, "mungkin mesej itu tidak sampai kepada semua peringkat ahli UMNO. Jadi saya rasa cara yang terbaik sekali ialah menyatakan terus secara terbuka kepada perhimpunan ini.

"Lagipun seperti juga di iklan - iklan di televisyen kita perlu mengulanginya berkali-kali untuk mendatangkan kesan.

Ditanya adakah beliau merasakan kegiatan kempen - kempen menjelang pemilihan tahun depan semakin meningkat atau sudah berkurangan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "sepatutnya tidak harus wujud langsung."